



SEMINAR PROJEK PROMOSI KESIHATAN NGO MYSIHAT **(13 OGOS 2016)**

Pada 13 Ogos 2016 (sabtu) telah berlangsung Seminar Pengurusan Projek Promosi Kesihatan NGO MySihat 2016 Siri 1 peringkat Zon Tengah.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs Dr. Manimaran Krishnan, CEO MySihat bertempat di Dewan Serbaguna E7 KKM Putrajaya.

Selain seminar, saringan kesihatan turut diadakan bagi memberi pendedahan dan tunjuk ajar kepada NGO untuk mengadakan saringan kesihatan di peringkat komuniti.

#teamRnD

#MySihat

#NGO

#BersamaUntukKesihatan

SEMINAR PENGURUSAN PROJEK PROMOSI
KESIHATAN KEPADA **NGO**
(Pertubuhan Bukan Kerajaan)

**SIRI 1
ZON TENGAH**

ANJURAN:
Bahagian Penyelidikan & Pembangunan

13 OGOS 2016

**DEWAN SERBAGUNA | ARAS 8 | BLOK E7
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PUTRAJAYA**

MZSihat
Lembaga Promosi
Kesihatan Malaysia

fppt.com

LATAR BELAKANG

MySihat sentiasa berusaha untuk membangunkan program-program promosi kesihatan berasaskan bidang-bidang keutamaan MySihat demi faedah masyarakat ke arah mencapai kesejahteraan. Perkara ini selaras dengan objektif Lembaga seperti yang termaktub dalam Akta LPKM 2006 (Akta 651) iaitu antara lainnya untuk memajukan keupayaan pertubuhan-pertubuhan bagi mempromosikan kesihatan serta untuk memajukan dan menyokong program pelbagai strategi bagi mempromosi dan menyokong amalan cara hidup yang sihat dan persekitaran yang sihat dipelbagai latar dan sektor.

MySihat akan bertindak sebagai pembina upaya di dalam usaha memperkasakan individu dan komuniti bagi menggerakkan aktiviti amalan gaya hidup sihat. Tindakan ini mampu mewujudkan dan mengukuhkan tindakan dan inisiatif komuniti, menjalinkan perkongsian dan kerjasama antara sektor dan memupuk nilai-nilai menitikberatkan kesihatan dalam kalangan "advocator" gaya hidup sihat.

KENAPA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)?

Bagi mencapai tujuan ini, sejajar dengan hasrat Akta 651, MySihat perlu bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan termasuk NGO yang berdaftar sebagai rakan kongsi strategik. Ini adalah kerana keujudan sesebuah NGO itu sendiri mampu membawa tenaga penggeraknya untuk menggerakkan setiap program yang dilaksanakan melalui penyampailan terus ke peringkat akar umbi. Dalam hal ini, MySihat bertindak sebagai pemudah cara yang sentiasa membantu pertubuhan termasuk NGO untuk memastikan program promosi kesihatan yang dilaksanakan menepati konsep promosi kesihatan serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MySihat.

OBJEKTIF SEMINAR

Bertujuan meningkatkan keupayaan NGO dalam melaksanakan projek yang merangkumi :

- ❖ Memahami prinsip dan perancangan Promosi Kesihatan;
- ❖ Merangka pelan pelaksanaan projek;
- ❖ Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti-aktiviti berdasarkan elemen-elemen promosi kesihatan; dan
- ❖ Mengurus projek yang berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

KELAYAKAN

Terbuka kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan sukan, rekreasi, kebudayaan dan kesihatan di seluruh Malaysia yang ditubuhkan secara rasmi, berdaftar dan bertaraf tempatan.

TOPIK SEMINAR

- ❖ Situasi Semasa Permasalahan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di Malaysia
- ❖ Amalan Gaya Hidup Sihat Melalui Aktiviti Fizikal & Pemakanan Sihat
- ❖ Promosi Kesihatan Sebagai Strategi Utama
- ❖ Peranan NGO Dalam Memperkasakan Komuniti Ke Arah Melestarikan Amalan Gaya Hidup Sihat

FAEDAH YANG DIPEROLEHI

- a) NGO boleh memohon geran MySihat bagi menjalankan projek promosi kesihatan.
- b) NGO dapat menyediakan pelan pelaksanaan projek dan aktiviti berdasarkan elemen-elemen promosi kesihatan.
- c) Projek lebih terancang dan dapat mencapai objektif yang ditetapkan.

SEBARANG PERTANYAAN BERHUBUNG SEMINAR (URUSSETIA) :

03-8888 7700 (Bahagian Penyelidikan & Pembangunan)
 Pn. Noorul Izdiany Mokhtar (noorulizdiany@moh.gov.my)
 Cik Siti Maimunah Hilmah Leong (maimunah@mysihat.gov.my)

SEBARANG PERTANYAAN BERHUBUNG PERMOHONAN GERAN :
 03-8888 7700 (Bahagian Perancangan & Penilaian Program)
 Cik Noraini Mustafa
 Pn. Nurul Nadia Hamdan
 En. Mohd Yuzair bin Mohd Yunus



13.08.2016



